

Ternakan ikan tilapia guna teknologi *Rapid Biofloc*

UM 13/11/2024 pg 32



AHMAD Ramzi Mohamad Zubir (tiga, kiri) melepaskan benih ikan tilapia ke kolam kanvas pada program pelepasan anak ikan tilapia di Kampung Mak Som, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

BESUT: Sebanyak 170 projek ternakan ikan tilapia menggunakan teknologi *Rapid Biofloc* hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT), akan dilaksanakan dalam Program Sejati Madani di seluruh Terengganu bermula tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMT Jaya Holdings Sdn. Bhd., Datuk Dr. Ahmad Ramzi Mohamad Zubir berkata, setakat ini, dua projek telah dilaksanakan di Kampung Padang Mengkuang di Marang dan Kampung Gong Mak Som, Besut.

Menurutnya, setiap projek menggunakan peruntukan berjumlah RM100,000 yang disalurkan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan.

“Dengan menggunakan teknologi *Rapid Biofloc*, ikan-ikan tersebut diternak dalam kanvas dan anak benihnya juga tahan

lasak daripada jangkitan penyakit dan perubahan cuaca,” katanya ditemui pada program pelepasan anak ikan tilapia di Kampung Gong Mak Som di sini, semalam.

Ahmad Ramzi berkata, projek ternakan tilapia itu mampu memberi pulangan sebanyak RM40,000 dengan jangkaan pengeluaran sebanyak empat tan ikan tilapia untuk setiap tuaian.

“Penduduk terlibat akan diberi latihan, peralatan serta anak benih ikan tilapia dan dalam tempoh enam bulan ini, dua orang pegawai akan ditugaskan untuk mengajar dan memantau bagi menjayakan projek tersebut dengan pengeluaran yang memaksimumkan.

“Hasil ikan tersebut, Kumpulan UMT Jaya akan beli daripada penduduk terlibat, sebelum dipasarkan ke seluruh negara,” katanya.